

**SOALAN NO.: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK**

**TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada kapal-kapal asing yang memasuki perairan Malaysia juga dibakar atau ditenggelamkan dan nyatakan bilangan kapal asing yang dibakar atau ditenggelamkan, bilangan nelayan atau anak kapal yang ditangkap dan tindakan pendakwaan serta hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka dalam tempoh 5 tahun yang lepas.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia tidak mengikut langkah negara jiran dalam menangani masalah pencerobohan dengan membakar bot-bot nelayan asing yang menceroboh perairan Negara kerana kita mempunyai Akta Perikanan 1985 dan peraturan perundangan yang perlu dipatuhi.

APMM sentiasa menugaskan kapal melaksanakan rondaan kawasan *hotspots* yang sering dicerobohi oleh nelayan asing. Statistik penahanan bot nelayan asing sejak tahun 2009 sehingga 2015 adalah berjumlah sebanyak 532 kes. Sejumlah 197 bot dari nelayan asing yang telah dijatuhkan hukuman dan dilucuthak telah dijadikan tukun tiruan dengan kerjasama Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan. 305 kes pula tidak disabitkan kesalahan dan 30 kes masih dalam siasatan. Sejumlah 4,254 orang awak-awak telah ditahan dan didakwa mengikut Akta Perikanan 1985 yang membawa kepada hukuman 12 bulan penjara bagi tekong bot manakala 6 bulan penjara bagi awak-awak. Ini memberi impak yang besar terhadap pendaratan ikan di perairan negara secara keseluruhannya yang telah meningkat sekali ganda berbanding 10 tahun yang lalu iaitu daripada RM 4.2 billion kepada RM 8.7 billion. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada bot-bot nelayan asing yang dibakar atau ditenggelamkan sebelum tindakan mahkamah diambil.

Sekian. Terima kasih.